

## Pertubuhan perniagaan perlu sediakan data berkualiti

BUKIT MERTAIAH 6 Mac - Pertubuhan perniagaan digesa menyediakan bekalan data berkualiti dan statistik terkini yang boleh menjadi input kemajuan program pembangunan sosioekonomi negara.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dr. Abdul Rahman Hasan berkata, langkah itu penting kerana statistik yang dikumpulkan menerusi kajian berkala ke atas entiti perniagaan yang beroperasi di Malaysia boleh menjadi pemantau pencapaian Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Kerajaan (GTP).

Menurutnya, adalah menjadi tanggungjawab Jabatan Perangkaan bagi memungut, mentafsir dan menyebarkan perangkaan yang menjadi input kepada pembentukan dasar dan perancangan pembangunan negara.

"Sesebuah entiti perniagaan harus menyediakan bekalan data dan statistik berkualiti yang akan menjadi pengukur penting kemajuan sosioekonomi sesebuah negara.

"Ini kerana data-data yang diperoleh itu ditafsirkan dalam bentuk perangkaan penting seperti Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), Indeks Harga Pengguna, Indeks Perdagangan Edaran, Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh dan Perangkaan Pembuatan Bulanan," katanya ketika berucap merasmikan Seminar Transformasi Ekonomi negara: Kepentingan Statistik Perkhidmatan di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengerah Jabatan Perangkaan Pulau Pinang, Ezatul Nisha Abdul Rahman.

Abdul Rahman berkata, semua pihak juga tidak perlu bimbang mengenai data yang dikutip kerana dijamin kerahsiaannya dan tidak akan didedahkan kepada individu lain.